

54
✓
Rakyat akan menolak
pemimpin yg memecah
perpaduan—Dr. M

'BEBAS'

BERJUANG

UNTUK

DIRI

KUALA LIPIS, 2 JULAI

DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mensifatkan orang UMNO yang menjadi calon bebas kerana tidak mendapat peluang dalam parti sebagai orang yang bukan berjiwa UMNO tetapi berjuang untuk diri sendiri.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan: "Ada juga orang masuk UMNO hanya untuk mendapatkan sokongan dari rakyat tetapi kemudiannya mereka memperalatkan parti untuk mencari pengaruh peribadi."

Berucap kepada kira-kira 500 orang penyokong Barisan Nasional di sini, beliau mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya tidak tertarik dengan pemimpin yang mempunyai pendirian serupa itu.

Katanya: "Jika kita tertarik dengan pemimpin yang mempunyai pendirian serupa itu, bukan sahaja UMNO akan hancur, Barisan Nasional juga akan hancur kerana orang seperti ini hanya sanggup menerima keuntungan saja dari parti tetapi tidak kerugiannya."

Beliau mahu orang-orang yang menjadi ahli UMNO tulen supaya mematuhi segala aturan parti demi menjaga keutuhan UMNO dan orang-orang Melayu akan kuat dengan wujudnya perpaduan.

Mengenai perpaduan kaum, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa apa yang diperolehi sekarang adalah hasil perjuangan dan kerjasama dari semua kaum.

Bencana

Beliau menyeru semua kaum supaya mengorbankan sedikit hak masing-masing untuk kepentingan bersama kerana kalau tidak ada kerjasama, kerajaan yang ada seperti hari ini tentunya tidak wujud.

Timbalan Perdana Menteri menarik perhatian bahawa orang-orang Melayu dalam pilihanraya 8 Julai ini hendaklah memberikan sokongan kepada calon-calon keturunan Cina yang bertanding atas tiket Barisan Nasional.

"Orang-orang Cina dan India pula mesti memberikan sokongan mereka kepada calon bangsa lain yang bertanding sebagai calon Barisan," ujarnya. Sementara itu semasa berucap merasmikan bangunan kedai UDA sebelas pintu berharga \$574,900 di Bandar Temerloh beliau yakin rakyat akan menolak mana-mana pemimpin atau golongan yang berniat memecahbelahkan rakyat untuk memancing undi.

Katanya, rakyat pasti menolak golongan itu kerana mereka nampak dan sedar bencana yang timbul dari perbuatan seperti itu.

Beliau memberi amaran, bahawa rakyat di negara ini pasti tidak mahu melihat tragedi seperti 13 Mei berulang lagi kerana perbalahan kaum di mana akibatnya merugikan semua pihak.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Menteri Besar Pahang, Datuk Sri Mohamad Jusoh, Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara Datuk Sri Hamzah Abu Samah dan Pengerusi UDA Tan Sri Yaakub Hitam.

Datuk Sri Dr. Mahathir hairan kerana terdapat setengah-setengah golongan politik hari ini rela berbuat apa saja dengan niat mendapat kuasa tanpa memikirkan sebarang akibat buruk dari perbuatan itu.

Katanya, Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan segala kemampuan bukan sahaja membawa pembangunan untuk rakyat tetapi memberi perlindungan hidup secukupnya kepada mereka.

"Kerana itu, dalam tempoh 21 tahun kita merdeka negara hanya

untuk pembangunan rakyat di mana saja mereka berada.

Beliau berkata kerajaan yang sanggup menumpukan setiap perhatian terhadap rakyat tidak berlaku di semua negara di dunia ini.

Menurutnya, tidak siapa yang berhak membangkitkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat sekiranya kerajaan lebih menumpukan perhatian pembangunan terhadap kaum bumiputera.

"Ini kerana kedudukan mereka sudah sedia dimaklumi oleh semua pihak di mana memerlukan pembelaan yang lebih dari kerajaan supaya mereka dapat mencapai kehidupan yang lebih sempurna," ujar beliau.

Menyentuh mengenai UDA Dr. Mahathir mensifatkan ianya telah berjaya mendekatkan percantuman antara penduduk desa dan bandar melalui kegiatan agensi itu membandarkan kawasan luar bandar.

Peranan ini, tambahnya, jelas menepati Dasar Ekonomi Baru kerajaan yang sedang berjalan sekarang.

Sebelum itu Timbalan Perdana Menteri telah mengikuti taklimat mengenai perkembangan Barisan Nasional Pahang dalam menghadapi suasana pilihanraya sekarang.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Negeri Pahang Datuk Sri Hamzah Abu Samah di Bangunan UMNO Temerloh.

mengalami sekali tragedi malang iaitu peristiwa 13 Mei 1969 yang diharapkan tidak akan berulang lagi," tegasnya lagi.

Mengenai pembangunan Timbalan Perdana Menteri menyebut, semenjak mencapai kemerdekaan, kerajaan terus menumpukan segala usaha dan tenaga